

Sinar Harian 9/10/2013

## Berdakwah melalui bahan bacaan

MOHD Shahrizal Nasir berasal dari Kampung Jawa, Segamat, Johor merupakan penulis buku *Renungan Buat Pencinta Syurga* terbitan Karya Bestari.

Buku yang dihasilkan ini adalah usaha kecil beliau untuk berkongsi dengan pembaca berkenaan perkara-perkara yang dekat dengan kehidupan seorang Muslim. Setiap Muslim perlu melaksanakan tugas dakwah. Justeru dengan penghasilan buku ini diharapkan ia menjadi salah satu usaha dakwah yang diberkati ALLAH.

Berkongsi minatnya dalam bidang penulisan, Shahrizal berkata, dia mula menceburkan diri sejak di bangku sekolah, khususnya ketika menuntut di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, Johor.

Namun minat tersebut semakin bertambah apabila rencana pertama diterbitkan dalam ruangan Agama akhbar *Berita Harian* pada 2009. Selepas itu beliau terus menulis dalam beberapa ruangan akhbar dan majalah seperti Dewan Sastera terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Sinar Rohani terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Setakat ini, buku *Renungan Buat Pencinta Syurga* merupakan satu-satunya buku yang telah



diterbitkan untuk bacaan umum.


Manakala dalam bidang akademik, khususnya bidang pengajian bahasa Arab, Shahrizal turut terlibat dalam penerbitan beberapa buah buku sama ada sebagai penulis ataupun editor. Buku-buku tersebut diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), iaitu institusi tempatnya berkhidmat sekarang.

Melihat kepada perkembangan yang semakin pesat dalam bidang penulisan sekarang, beliau beranggapan kemunculan penulis muda yang mampu menghasilkan karya yang baik merupakan suatu fenomena yang positif dan perlu terus diberi galakan.

Selain itu, penubuhan institusi penerbitan, sama ada daripada pihak kerajaan mahu pun swasta turut merencanakan lagi aktiviti penulisan dan penerbitan di Malaysia.

"Namun begitu, perlu diingatkan bahawa setiap penulis khususnya golongan penulis Muslim mempunyai tanggungjawab dalam aktiviti penulisan masing-masing.

"Karya yang dihasilkan perlu membawa mesej benar dan memberi manfaat buat pembaca. Sekiranya tanggungjawab ini dapat disempurnakan, maka dunia penulisan mampu menyumbang ke arah pembentukan ummah gemilang," katanya.



Karya yang dihasilkan oleh Shahrizal.